

KETUA SETIAUSAHA
(Secretary General)

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
(Ministry of Housing and Local Government)
Aras 17
No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +(6)03 - 8891 5003
Faks : +(6)03 - 8891 5558

KPKT.100-11/1/5 JLD2(43)

11 Mac 2024

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
SURAT ARAHAN KETUA SETIAUSAHA BILANGAN 1 TAHUN 2024

PEMATUHAN DASAR KESELAMATAN SIBER (DKS) KPKT VERSI 2.0

TUJUAN

1. Surat Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan peraturan berhubung dengan Dasar Keselamatan Siber (DKS) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) versi 2.0.

LATAR BELAKANG

2. DKS KPKT versi 2.0 telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPKT Bilangan 3 Tahun 2023 pada 16 Oktober 2023.

DASAR KESELAMATAN SIBER

3. DKS KPKT versi 2.0 ini adalah terpakai kepada warga KPKT/Jabatan/Agensi di bawah KPKT, pembekal dan pihak ketiga selagi mana adanya hubung kait dengan penggunaan aset ICT dan keselamatan siber KPKT.

4. Dokumen DKS KPKT versi 2.0 dihebahkan melalui Laman Web KPKT dan Sistem Pemantauan Akaun Pematuhan DKS KPKT (url: <http://dks.kpkt.gov.my>).

TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN/UNIT/JABATAN/AGENSI DI BAWAH KPKT

5. Warga KPKT, pembekal dan pihak ketiga di Bahagian/Unit/Jabatan/Agensi di bawah KPKT adalah dikehendaki membaca, memahami dan akur akan peruntukan yang terkandung di dalam DKS ini. DKS ini juga menerangkan mengenai tanggungjawab dan peranan mereka dalam melindungi aset ICT dan ruang siber KPKT.

SURAT AKUAN PEMATUHAN

6. Semua Ketua Jabatan hendaklah memastikan semua pengguna di Bahagian/Unit/Jabatan/Agensi di bawah KPKT masing-masing untuk mematuhi DKS KPKT versi 2.0 dan mengesahkan akuan pematuhan DKS tersebut secara dalam talian melalui Sistem Pemantauan Akuan Pematuhan DKS KPKT. Manakala pembekal dan/atau pihak ketiga (contoh: pakar runding dan individu yang dilantik untuk melaksanakan tugas di KPKT) hendaklah menandatangani Surat Akuan Pematuhan DKS KPKT secara manual dan mengemukakan satu (1) salinan kepada BTM, KPKT.

TARIKH KUAT KUASA

7. Arahan dan peraturan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.


PEMBATALAN

8. Sehubungan itu, Surat Arahan Ketua Setiausaha Bilangan 1 Tahun 2022 dan DKS KPKT versi 1.0 adalah dengan ini dibatalkan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK WIRA M NOOR AZMAN BIN TAIB)